

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHG 457 - Geografi Pertanian

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. SAMA ADA

- (a) Aktiviti-aktiviti pertanian di Malaysia secara umumnya dipengaruhi oleh faktor iklim. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu jelaskan sejauh manakah benar kenyataan ini.

(25 markah)

ATAU

- (b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu, bincangkan bagaimanakah unsur-unsur iklim dapat mempengaruhi corak dan jenis pertanian di sesuatu tempat.

(25 markah)

2. Bincangkan kriteria-kriteria yang boleh digunakan untuk membahagikan dunia kepada beberapa wilayah pertanian yang tertentu.

(25 markah)

3. Bincangkan kepentingan dan kesesuaian pemetaan klasifikasi tanah dan tanah berpotensi sebagai langkah-langkah untuk perancangan pertanian di sesebuah kawasan.

(25 markah)

4. Bincangkan bagaimanakah seseorang peladang membuat keputusan untuk menerima sesuatu teknologi baru dalam operasi ladangnya.

(25 markah)

5. Berikan takrif geografi pertanian. Sejauh manakah disiplin ini dapat membantu kita ke arah perancangan ekonomi negara?

(25 markah)

6. Bincangkan tentang masalah kependudukan dan perhubungannya dengan sumber makanan sedunia.

(25 markah)

7. Sistem-sistem pertanian di negara-negara sedang membangun adalah kurang cekap jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Sejauh manakah benar kenyataan ini.

(25 markah)

